

ANCAMAN SYI'AH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara nikmat terbesar yang Allah kurniakan dalam kehidupan orang beriman, ialah nikmat kesatuan dan persaudaraan. Manusia merupakan makhluk yang cenderung untuk berbeza pendapat dengan orang lain. Perbezaan ini kadang-kadang menatijahkan perpecahan yang besar dalam masyarakat dan menggugat keharmonian negara.

Walaupun sentiasa dinasihatkan untuk hidup bersatu-padu, sejarah membuktikan bahawa manusia mudah terperangkap dalam pecah-belah, bermula selepas kewafatan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, hinggalah ke zaman sekarang. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda:

إِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرَىٰ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Yang bermaksud: *Sesungguhnya barangsiapa yang hidup dalam kalangan kamu selepas (kewafatan) aku, maka dia akan melihat perpecahan yang banyak.*

Nabi juga pernah memberikan nasihat supaya mengambil perhatian terhadap perpecahan ummah. Ini kerana, kesatuan dan perpaduan, atas landasan yang benar, adalah syarat untuk masuk ke syurga.

Dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Abu Dawud, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: *Sesungguhnya ahli Kitab sebelum daripada kamu telah berpecah kepada 72 kumpulan. Umat kita pula akan berpecah kepada 73 kumpulan. 72 masuk dalam neraka, sementara 1 kumpulan sahaja yang masuk ke dalam syurga, iaitu al-Jama'ah.*

Dalam sejarah, sejourus selepas kewafatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, telah berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam. Perpecahan yang paling ketara ialah apabila sebahagian umat Islam lari daripada landasan sebenarnya, dengan enggan

membayar zakat, bahkan ada yang berbohong untuk menjadi Nabi palsu.

Perpecahan umat Islam semasa zaman *al-Khulafa' al-Rashidin* semakin memuncak selepas peristiwa pembunuhan Saidina Uthman bin Affan. Ketika itulah muncul beberapa kumpulan dalam kalangan umat Islam, yang pada asalnya berpecah dengan sebab sokongan politik dan taksub kepada pemimpin tertentu, tetapi akhirnya membawa kepada perpecahan dalam persoalan akidah yang menyesatkan. Antara kumpulan pecahan yang timbul dan masih wujud pada zaman sekarang, ialah kumpulan Syiah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Baru-baru ini di negara kita, terdapat satu perkembangan yang agak membimbangkan, apabila sumber propaganda mendakwa terdapat satu juta pengikut Syiah di Malaysia. Selain itu, penggerak kumpulan Syiah Malaysia juga semakin berani menganjurkan program secara terbuka, bahkan mencabar pihak berkuasa agama yang bertanggungjawab menjaga akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah di negara kita.

Dalam negeri kita, mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bersidang pada 30 Disember 2011 telah bersetuju memutuskan hukum berpegang dengan ajaran Syiah adalah haram untuk diamal dan disebar di negeri ini disebabkan fahaman dan ajaran ini adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan ahli sunnah wal jamaah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara sebab pengharaman amalan dan penyebaran Syiah di negeri ini, ialah dakwaan yang menyatakan Malaikat Jibril tersalah menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sedangkan yang sepatutnya mendapat wahyu tersebut ialah Saidina Ali Radhiallahuanhu. Syiah juga mendakwa bahawa merekalah kumpulan yang paling mencintai Ahli Bait Rasulillah, tetapi dalam masa yang sama telah mengkufurkan hampir keseluruhan para Sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang lain. Sesungguhnya, perbuatan seumpama ini adalah satu penghinaan ke atas Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sejarah telah membuktikan bahawa ajaran Syiah menggugat keharmonian dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jama'ah. Ini disebabkan ajaran mereka yang mengajar kepada taksuf kepada *Imamah*, khasnya Imam 12 mereka, sehingga kadang-kadang melebihi kemuliaan *Nabi*. Mereka juga hidup dengan emosi dan kesedihan, atas kisah-kisah palsu mengenai penderitaan imam-imam mereka.

Mereka juga menjadikan taqiyyah, atau sikap berpura-pura menyembunyikan identiti Syiah mereka dalam masyarakat Islam. Mereka mendakwa bahawa pegangan kita Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah sesat dan menghalalkan darah kita. Bayangkan, bagaimana mereka sanggup berlakon di hadapan kita atas nama agama, sedangkan mereka menghina Saiyidina Abu Bakar, Saiyidina Umar bin al-Khattab, Saiyidina Uthman bin Affan dan termasuk Saiyidatina Aisyah Radhiallahuanhum. Mereka juga telah menghalalkan pernikahan secara mut'ah. Imām al-Shafi'i pernah menyatakan: *Aku tidak pernah sama*

sekali melihat pendusta yang nyata berbanding golongan Syiah Rafidah.

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama bersatu-padu untuk menghalang fahaman Syiah di negeri kita khasnya dan Malaysia amnya. Antara punca berlakunya peperangan dan kehancuran negara-negara Teluk adalah disebabkan oleh campur tangan Syiah. Dengan itu, ibu bapa perlu memantau bahan bacaan anak masing-masing, agar tidak terpengaruh dengan ajaran Syiah. Selain itu, laporkanlah kepada pihak berkuasa agama, terhadap tindakan mana-mana individu atau kumpulan yang mengamal, mempromosi dan menyebarkan Syiah di negeri ini.

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dalam Surah al-Anfal ayat 46:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنَزَعُوا فَنفَشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ
الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: *Dan Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.